

Bekas MB: Bas percuma bukan jaminan menang PRU14

MalaysiaKini.com

24 November, 2017

Bekas Menteri Besar Tan Sri Muhammad Taib berkata segala kejayaan dan kemajuan di Selangor adalah hasil daripada titik peluh Umno sehingga negeri itu berjaya mendapat gelaran negeri maju pada 2005.

Menurutnya, Pakatan Harapan (HARAPAN) hanya menyambung kemajuan yang ada tanpa melakukan apa-apa usaha membangunkan Selangor.

“Pembangking, tak perform di Selangor. Dia tak buat apa pun sejak kita isytiharkan Selangor negeri maju. Dia perintah Selangor 2008 sampai 2017 dia tak buat apa. Cuba namakan saya (pembangunan yang pembangking buat).

“Hospital siapa buat, jalan raya siapa buat, fasiliti siapa buat, semua hasil dari BN yang dimegahkan-megahkan oleh Menteri Besar Selangor (Datuk Seri Mohamed Azmin Ali).

“Macam lembu punya susu sapi dapat nama,” katanya kepada pemberita pada sidang media menjelang Perhimpunan Agung Umno di Pejabat Umno Selangor, di Shah Alam, hari ini.

Kata Muhammad, Azmin cuma memberikan beberapa kemudahan termasuk bas percuma namun ini bukanlah jaminan untuk memenangi Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang.

“Apa yang awak buat apa, beri bas percuma, peduli sikit-sikit bagi orang pergi hospital. Tak ada negara dalam dunia menang PRU kerana sediakan bas. Tapi di Selangor ni kadang-kadang orang tertipu,” katanya.

Pada 2005, Selangor dimasyhurkan sebagai Negeri Maju berdasarkan petunjuk yang dibangunkan oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) yang dilantik oleh International Institute for Management Development (IMD) Switzerland dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Namun di sebalik pencapaian itu, pada Pilihan Raya Umum Ke-12 2008, BN Selangor tumbang dibadai tsunami politik pembangking.

Pada 2008 pemerintahan Selangor bertukar tangan kepada Pakatan Rakyat dengan Tan Sri Khalid Ibrahim menjadi menteri besar dan kemudiannya digantikan dengan Azmin.

Mengulas lanjut, Muhammad berkata meskipun BN telah melakukan yang terbaik untuk Selangor dengan menyediakan semua kemudahan, namun dengan adanya media sosial, pembangkang boleh 'menjentik' sehingga pemimpin jatuh.

"PRU2008 selepas kita cemerlang tiba-tiba kita kalah. Kita dah lakukan yang terbaik. Kamu lihat Selangor kita ada pelabuhan, lapangan terbang, Putrajaya, LRT, macam mana boleh kalah pada 2008.

"Pelik juga, negeri mundur, tak cukup fasiliti, air pun tak ada, rumah panjang tapi BN menang. Negeri yang cukup lengkap kalah.

"Maknanya sistem nilai. Sekarang dah ada media sosial jadi nak cari pemimpin jangan angkuh, jika tidak mereka jentik. Barangkali 2008 banyak orang jentik. Tapi mereka (rakyat) sedang marah, kalau satu orang jentik tak apa. Kalau 500,000 orang jentik matilah dia," katanya.

Bagi merampas kembali Selangor daripada pembangkang, beberapa menteri besar, termasuk Muhammad, Tan Sri Khir Toyo dan Tan Sri Abu Hassan Omar berikrar akan membantu BN menawan semula negeri itu.

Copyright © 1999-2016 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/403215>